

BULETIN UTHM

Bil.3 Mac 2024 | ISSN 2232-0415



UTHM terima Anugerah Lima Bintang Penarafan Tunggal Program TVET 2023

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM terima perakuan akreditasi APEL.A Tahap 7 (Penyelidikan) dan APEL.A Tahap 8
- 2 UTHM terima Anugerah Lima Bintang Penarafan Tunggal Program TVET 2023
- 3 100 sukarelawan UTHM sertai Program Khidmat Masyarakat UTHM Prihatin Bersama Media Johor
- 5 UTHM dan SWM Environment lancar kempen elak pembaziran makanan
- 6 FKEE dan ABIM Batu Pahat santuni Orang Asli Parit Sulong sempena Ramadan
- 7 Sentuhan Kasih Ramadan 2.0 ceriakan warga Wisma Anak Yatim Batu Pahat
- 8 SRN UTHM edar juadah berbuka sekitar kampus, santuni pelajar tahfiz
- 9 Mobiliti Antarabangsa: Enam Pelajar UTHM timba pengalaman baharu di Jepun
- 12 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





UTHM terima perakuan akreditasi APEL.A Tahap 7 (Penyelidikan) dan APEL.A Tahap 8

BATUPAHAT-Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) melalui Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA) telah berjaya menerima perakuan akreditasi penuh tanpa syarat daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu untuk tujuan kemasukan (APEL.A) ke peringkat Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan (APEL.A Tahap 7) dan Ijazah Kedoktoran Secara Kerja Kursus, Campuran dan Penyelidikan (APEL.A Tahap 8).

Perakuan akreditasi selama lima tahun itu bermula daripada 10 Februari 2024 sehingga 9 Februari 2029 sekali gus menjadi antara universiti terawal menerima perakuan tersebut.

Sehingga kini, terdapat dua Pusat Penilaian APEL (PPA) yang telah diperakuan akreditasi oleh MQA bagi melaksanakan APEL.A Tahap 7 secara penyelidikan dan APEL.A Tahap 8.

Perakuan akreditasi ini membolehkan UTHM menilai calon APEL.A Tahap 7 yang ingin melanjutkan pengajian ke program ijazah sarjana secara penyelidikan dengan menggunakan sijil diploma, Sijil Tinggi Peperiksaan STPM atau yang setara.

Manakala bagi calon APEL.A Tahap 8 yang telah berjaya dalam proses penilaian akan melanjutkan pengajian ke program ijazah kedoktoran secara kerja kursus, campuran dan penyelidikan dengan menggunakan sijil ijazah sarjana muda yang berkaitan dengan bidang yang dipohon.

Mengimbuai kembali sejarah penubuhan PPA di UTHM pada tahun 2021, UTHM ketika itu telah dilantik sebagai PPA yang melaksanakan penilaian APEL.A bagi kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda (APEL.A Tahap 6) dan Ijazah Sarjana (APEL.A Tahap 7) secara kerja kursus dan campuran.

Selepas itu, UTHM telah ditawarkan untuk melaksanakan penilaian APEL.A bagi kemasukan ke program Sijil (APEL.A Tahap 3) dan program Diploma (APEL.A Tahap 4).

Sementara itu, Pengarah PPBA, Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar turut menzahirkan rasa terima kasih beliau kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses permohonan akreditasi tersebut.

Beliau berkata kejayaan itu juga adalah hasil sokongan padu oleh semua kepimpinan UTHM serta staf di pelbagai pusat tanggungjawab (PTJ) lain yang sentiasa memberikan sokongan terbaik.

"Perakuan akreditasi sebagai PPA APEL.A Tahap 7 secara Penyelidikan dan Tahap 8 ini membolehkan UTHM membuka peluang lebih luas kepada masyarakat di Malaysia untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan menggunakan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang telah dimiliki dalam bidang pekerjaan di sektor industri serta perkhidmatan.

"Ia juga merupakan satu usaha tanda sokongan kita dalam membudayakan dan memperkasakan agenda pembelajaran sepanjang hayat," katanya.

Kejayaan tersebut juga membawa manfaat yang besar kepada individu yang ingin melanjutkan pendidikan ke peringkat sarjana secara penyelidikan atau kedoktoran dengan cara mengiktiraf nilai pengalaman kerja mereka.

"Ini membantu meningkatkan aksesibiliti, pengiktirafan profesional dan kepelbagaian dalam pendidikan tinggi," tambah beliau.



UTHM terima Anugerah Lima Bintang Penarafan Tunggal Program TVET 2023

BUKIT MERTA JAM - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat rekod kecemerlangan apabila berjaya meraih Anugerah Lima Bintang Penarafan Tunggal Program TVET bagi tahun 2023 pada 7 Mac 2024 lalu.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia, Dato' Hajah Norison Ramli ketika berlangsungnya 'Karnival Jelajah Madani Jom Masuk TVET Zon Utara 2024' anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia di Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), Pulau Pinang.

Menurut Ts. Dr. Mohd Hasril Amiruddin selaku Pengurus Pusat Bertauliah (K16007), sumbangan dan pencapaian cemerlang menerusi bidang Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Tiga Fasa (EE-320-3:2012), Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC (ME-020-3:2012) dan Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam

(MC-024-3:2012) telah membuahkan hasil apabila Pusat Bertauliah yang berpusat di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) telah menerima anugerah tersebut hasil penilaian yang dibuat pada Oktober tahun lalu.

Objektif penarafan program TVET adalah untuk menilai tahap kualiti penyampaian program melalui instrumen dan parameter penilaian yang seragam selain bertujuan untuk menanda aras program TVET di pelbagai Kementerian bagi memberi maklum balas dan meningkatkan kualiti latihan.

"Ia sekali gus membuktikan kesediaan UTHM sebagai salah satu penyedia Latihan TVET untuk sentiasa mengekalkan standard dan kualiti yang dikehendaki.

"Semoga pencapaian ini dapat memberi inspirasi kepada mereka yang terlibat dalam bidang pembangunan kemahiran di UTHM," kata Dr. Hasril.



100 sukarelawan UTHM sertai Program Khidmat Masyarakat UTHM Prihatin Bersama Media Johor

SENAI – Kira-kira 100 sukarelawan terdiri daripada staf dan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai Program Khidmat Masyarakat UTHM Prihatin Bersama Media Johor pada 9 Mac 2024 lalu bertempat di Kampung Jaya Sepakat, Senai, Johor.

Program di bawah Kluster UTHM prihatin yang dikendalikan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat dan Yayasan UTHM itu diisi dengan aktiviti seperti gotong royong mengecat kediaman penduduk, pertandingan mewarna, sukaneka dan aktiviti perpindahan ilmu bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan universiti dengan komuniti.

Selain itu, program yang turut mendapat kerjasama daripada Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Pusat Hubungan Industri dan Pejabat Pendaftar itu juga bertujuan membina hubungan yang baik dengan rakan-rakan media Johor melalui penganjuran aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hadir menyempurnakan Majlis Penutup Program Khidmat Masyarakat UTHM Prihatin Bersama Media Johor yang diadakan sejurus selesai aktiviti gotong royong.

Beliau dalam ucapannya berkata warga UTHM sangat komited melibatkan diri secara aktif dalam program-program komuniti yang memberi manfaat kepada semua pihak.

"Saya sangat menggalakkan warga kampus menganjurkan aktiviti CSR seperti ini yang secara tidak langsung dapat menyebarkan khidmat kami kepada masyarakat bukan sahaja dalam bentuk tenaga tapi juga ilmu dan kemahiran.

"UTHM ialah sebuah universiti awam yang berkonsepkan paradigma tauhid, oleh itu pihak kami

cuba menerapkan konsep ini di bawah kluster UTHM Prihatin agar setiap warga kampus dapat menzahirkan keprihatinan masing-masing terhadap golongan berkeperluan," katanya.

Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak media atas segala bentuk promosi, publisiti dan liputan yang diberikan sepanjang tahun 2022/2023 lalu dalam meningkatkan keterlihatan UTHM di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Untuk rekod, pada tahun lalu sebanyak RM5.3 juta nilai program CSR telah dibelanjakan, dengan 53,607 jam kesukarelawan melibatkan staf dan pelajar serta seramai 85,660 orang telah menerima manfaat.

Selain itu sebanyak 155 program yang berteraskan inovasi sosial telah dilaksanakan, yang mana komuniti telah mendapat manfaat berdasarkan hasil kemahiran dan kajian universiti.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Provost UTHM Kampus Cawangan



Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Presiden Kelab Media Johor, Raja Jaafar Raja Ali selaku wakil rasmi Presiden KMJ, Ketua Pustakawan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Zaharah Abd Samad, merangkap Ketua Kluster UTHM Prihatin, wakil rasmi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Adib Reeza Osman, Penghulu Mukim Senai, Haji Mohd Redza Abdul Rahman serta Ketua Kampung Jaya Sepakat, Roslan Baharuddin.

Turut diadakan, penyampaian bantuan tunai kepada asnaf, ibu tunggal dan pelajar-pelajar sekolah

serta tajaan biasiswa Yayasan UTHM kepada lima pelajarnya, selain penyerahan LCD Projektor serta al-Quran kepada Pengerusi masjid kampung tersebut.

Naib Canselor turut menyampaikan mock nombor plat UTHM tajaan Pusat Wakaf dan Endowmen kepada rakan-rakan Media Johor sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang telah membantu meningkatkan keterlihatan UTHM selama ini.



MAJLIS PERBANDARAN KULAI



MAJLIS PERBANDARAN KULAI



UTHM dan SWM Environment lancar kempen elak pembaziran makanan



Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan kerjasama SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah menganjurkan kempen #Jangan Sudah Terhantuk Baru Tengadah bagi mengelakkan pembaziran makanan sepanjang bulan Ramadan.

Kempen yang diadakan buat julung kalinya itu merupakan projek perintis kolaborasi kedua pihak melibatkan bazar makanan di sekitar negeri Johor khususnya di enam daerah Johor Utara iaitu Batu Pahat, Muar, Segamat, Labis, Tangkak dan Yong Peng.

Menurut Ketua Projek Kempen #Jangan Sudah Terhantuk Baru Tengadah, Ts. Dr. Roslinda Ali yang juga Pensyarah Kanan UTHM, tren pembuangan sisa makanan pada musim Ramadan dan perayaan meningkat antara 15 hingga 20 peratus setiap tahun.

Pada tahun 2023, laporan dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menunjukkan kutipan sisa makanan yang dibuat pada bulan Ramadan meningkat sebanyak 2,508 tan setiap hari berbanding hari biasa membawa kepada 75, 240 tan sisa makanan dikutip sepanjang bulan Ramadan.

Fenomena ini memerlukan tindakan segera untuk mengatasi cabaran pembaziran makanan yang semakin meningkat.

"Ini kerana sisa makanan terkumpul bukan sahaja akan mengeluarkan bau yang busuk, malah mengeluarkan gas metana, yang merupakan gas rumah hijau yang menyumbang kepada pemanasan global dan perubahan iklim.

"Kami berharap melalui kempen ini, masyarakat bukan sahaja akan menjadi seorang pembeli yang bijak memilih kuantiti makanan yang diperlukan, tetapi secara tidak langsung memberi kesedaran kepada mereka bahawa bijak berbelanja turut membantu menjimatkan perbelanjaan selain dapat menjaga kesihatan badan," katanya.

Sepanjang kempen dijalankan, hebahan poster akan diedarkan oleh pihak SWM Environment kepada peniaga dan pembeli di bazar di samping agihan beg serba guna sebagai usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di bazar Ramadan.

Pegawai Eksekutif Kanan SWM Environment, Muhamad Bakhtiar Azni berkata selain daripada mengurangkan pembaziran makanan, masyarakat juga harus sentiasa diingatkan supaya tidak menggunakan plastik sekali guna dalam aktiviti jual-beli.

"Inisiatif ini bagi membantu Malaysia berjaya mencapai sasaran dan menjadi sebuah negara bebas plastik menjelang 2025," katanya.

#ElakkanPembaziranMakanan

#JomKitaGoGreen

#UTHMPrihatin

#SWMEnvironment





FKEE dan ABIM Batu Pahat santuni Orang Asli Parit Sulong sempena Ramadan

BATU PAHAT – Bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus bekerjasama dengan ABIM Batu Pahat buat kali keenam dengan menganjurkan program "Kempen Sumbangan Sekampit Beras (KSSB) Edisi 2024/1445H."

Pada tahun ini, KSSB menyasarkan masyarakat orang asli sekitar Parit Sulong untuk diberi bantuan dalam bentuk barangan keperluan harian terutamanya sumbangan sekampit beras.

Penganjuran kali ini terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa pertama, para sukarelawan menjelajah ke Kampung Kangkar Senangar, Parit Jidin dan Parit Dalam.

Selain penyerahan sumbangan keperluan harian, para pelajar FKEE turut terlibat dalam aktiviti perkongsian ilmu melalui penganjuran 'Bengkel Asas Solat' dan gotong-royong di Kampung Kangkar Senangar.

Manakala pada fasa kedua, para sukarelawan menjelajah ke beberapa kampung seperti Kampung Parit Tegak, Parit Pula, Parit Gantong, Parit Talib, Parit Puasa, Parit Othman, Parit Sentang Batu, Parit Lapis Maimon, Batu 22 dan Taman Industri.

Untuk rekod, Selain ABIM Batu Pahat, program KSSB tersebut dilaksanakan oleh Biro Jaringan Komuniti

Kelab Staf FKEE (KsFKEE), Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Kesukarelawan, dan SULAM (JKKKS) dan Exco Kebajikan & Kesukarelawan Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE), FKEE.

Turut serta, Kumpulan Pelajar Islam Johor (KPIJ) Batu Pahat, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Sri Gading, SMK Penghulu Saad, Pusat Teknousahawan (PTU), Kelab Keusahawanan dan Teknologi (KKDT) & ENACTUS, UTHM.

Menurut Timbalan Pengarah Program KSSB merangkap Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEPA) FKEE, Prof. Madya Ir. Dr. Nur Hanis Mohammad Radzi, selain dapat menyantuni masyarakat orang asli yang kurang berkemampuan, program KSSB dilihat mampu untuk mengeratkan lagi hubungan persaudaraan sesama rakan kerjasama dan sukarelawan yang terlibat.

"Pihak fakulti berterima kasih kepada semua para penyumbang, rakan-rakan kerjasama, jawatankuasa pelaksana dan sukarelawan yang telah memberi kerjasama yang baik sepanjang program berlangsung,"katanya.



Sentuhan Kasih Ramadan 2.0 ceriakan warga Wisma Anak Yatim Batu Pahat

BATU PAHAT – Bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak pada tahun ini, ahli Kelab *ArchiBrigade* di bawah naungan Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) telah berkerjasama dengan Kelab Kebajikan Staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) – CESWEC bagi menjayakan program “Sentuhan Kasih Ramadhan 2.0” pada 20 Mac 2024 lalu bertempat di Wisma Anak Yatim Batu Pahat.

Program itu diadakan bertujuan menyantuni anak-anak yatim melalui pelaksanaan beberapa aktiviti antaranya berbuka puasa bersama-sama dan pemberian duit raya.

Kutipan dana telah dijalankan menerusi CESWEC, yang mana sumbangan ahli fakulti telah dikumpul dan disumbangkan sepenuhnya kepada pihak Wisma Anak Yatim Batu Pahat.

Turut hadir, Presiden Kelab, Anas Abdul Aziz Abdul Kahir dan Naib Presidennya, Aryuni Elissa Mohd Azahar bersama pensyarah Program Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina, Muhamad Adli Faezal Rosnan.

Selain berbuka puasa beramai-ramai dan sumbangan duit raya, para pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina, UTHM turut mengadakan sesi suai kenal dan solat sunat tarawih berjemaah bersama anak-anak yatim wisma tersebut.

Sementara itu, wakil Wisma Anak Yatim Batu Pahat, Haji Abdul Rahim dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada FKAAB kerana menyantuni anak-anak yatim terbahit.

“Semoga penganjuran program seumpama ini dapat menambahkan lagi semangat anak-anak di sini melaksanakan ibadah puasa dan menyambut hari raya Aidilfitri yang bakal tiba,” katanya.

Pihak FKAAB berharap program seumpama itu dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi mengeratkan hubungan antara UTHM dan komuniti setempat, selain membantu menceriakan anak-anak yatim yang menjalani ibadah puasa.





SRN UTHM edar juadah berbuka sekitar kampus, santuni pelajar tahfiz

BATU PAHAT - Bersempena kedatangan bulan Ramadan, Sekretariat Rukun Negara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atau singkatannya SRN UTHM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Kasih Ramadan 2.0 bagi mengeratkan hubungan universiti-komuniti.

Fasa pertama program ini melibatkan edaran 50 set juadah berbuka puasa untuk pelajar-pelajar UTHM yang kurang berkemampuan di sekitar kampus induk dan juga di kampus cawangan Pagoh.

Manakala fasa kedua pula diteruskan dengan menyantuni 137 pelajar dan 27 kakitangan Maahad Tahfiz Al-Ma'arif, Batu Pahat pada 28 Mac 2024.

Hasil usaha gigih para pelajar SRN UTHM, program yang melibatkan sesi tazkirah dan majlis berbuka puasa itu turut mendapat kerjasama daripada Yayasan Taqwa dan Yayasan UTHM.

Penganjuran Program Kasih Ramadhan 2.0 itu juga berjaya meraih perhatian para dermawan apabila sebanyak 12 kipas angin telah disumbangkan untuk kegunaan bangunan yang baharu yang siap dibina.

Menurut Penasihat SRN UTHM, Farah Deena Md Rapee penganjuran program sebegini mampu membentuk jati diri dan semangat kesukarelawanan para pelajar sekali gus dapat merapatkan lagi hubungan UTHM dengan masyarakat setempat.

Beliau turut berterima kasih kepada pihak Yayasan Taqwa, Yayasan UTHM dan juga para dermawan yang turut sama membantu menjayakan misi kali ini.

"Semoga program seumpama ini dapat diteruskan lagi agar hubungan persaudaraan antara pelajar UTHM dan komuniti akan lebih terjalin mesra, selain dapat menyemarakkan lagi budaya bantu membantu antara satu sama lain," katanya.





Mobiliti Antarabangsa: Enam Pelajar UTHM timba pengalaman baharu di Jepun

TOKYO - Bagi memperluaskan potensi kerjasama dan pertukaran ilmu peringkat antarabangsa, enam pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyertai program Mobiliti Global Based Learning (gPBL) peringkat antarabangsa yang diadakan di Shibaura Institute of Technology (SIT), Jepun.

Program yang melibatkan penyertaan lima negara iaitu Malaysia, Jepun, Vietnam, India dan Taiwan turut disertai oleh tiga universiti lain iaitu Huazhong University of Science and Technology (HUST), Ming Chi University dan Phenika University.

Mobiliti antarabangsa tersebut diadakan bertujuan untuk mempromosikan jalinan kerjasama dan pertukaran ilmu antara pelajar dan penyelidik dari negara luar.

Pelbagai aktiviti bermanfaat telah diadakan antaranya aktiviti yang melibatkan penyelesaian masalah berasaskan projek Internet of Things (IoT), pertukaran budaya, lawatan ke Muzium Teknologi Miraikan Jepun, dan perbincangan bersama universiti luar berkaitan promosi dan kerjasama pada masa hadapan seperti pertukaran pelajar, penyelidikan bersama dan perkongsian program akademik.

Bagi aktiviti penyelesaian masalah berasaskan projek IoT, para peserta berpeluang bertukar idea

mencari penyelesaian masalah semasa dengan menggunakan teknologi IoT.

Aktiviti tersebut termasuklah pengembangan sistem pintar untuk kegunaan harian, penyelesaian kepada isu-isu alam sekitar dan aplikasi IoT dalam sektor perindustrian.

Enam pelajar UTHM yang menyertai mobiliti tersebut berjaya memperoleh biasiswa program berjumlah 80,000 yen setiap seorang dan turut berjaya meraih dua anugerah iaitu "Reviewer Choice Award" dan "Student Choice Award."

Menurut Pensyarah, Ts. Inv. Dr. Shelena Soosay Nathan program tersebut juga menitikberatkan aktiviti pertukaran budaya antara pelajar agar mereka dapat memahami lebih mendalam tentang nilai-nilai budaya masing-masing sekali gus memupuk persefahaman yang lebih baik.

Manakala aktiviti lawatan ke Muzium Teknologi Jepun, Miraikan pula menjadi pengalaman unik bagi para pelajar untuk memahami sejarah dan perkembangan teknologi negara Jepun yang sememangnya terkenal dengan kemajuan teknologi bertaraf antarabangsa.

"Program mobiliti ini diharapkan dapat memperkukuhkan hubungan antara institusi pendidikan, membuka peluang baharu kepada

pelajar untuk terus berkembang dan menggalakkan pertukaran pengetahuan serta inovasi antara negara luar.

“Dengan fokus yang diberikan kepada penyelesaian masalah berasaskan teknologi dan pertukaran budaya, penyertaan program seumpama ini menjadi

langkah positif ke arah pembangunan pendidikan dan penyelidikan yang lebih holistik dan bersepadu,” katanya.



SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kepujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)

JAM KREDIT



125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN

LEPASAN STPM

- ✓ Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

- ✓ Gred C (2.00) Matematik
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

- ✓ Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains Gunaan
- ✓ **ATAU**
Calon yang tidak memenuhi syarat CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA


Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



CHITOSAN AS FAT-BINDER FOR LOWERING BLOOD CHOLESTEROL LEVEL

Siti Nur Farahayu Abd Rahman, Siti Amira Othman

978-629-490-007-3

RM32.00

Chitosan is a natural polysaccharide produced by the deacetylation of chitin, a significant component of crustaceans' shells such as crabs, shrimp, lobster and crawfish. Chitosan can be modified to become hydrophobic, which means the lack of affinity to water increases hydrophobicity properties. Through hydrophobic bonds, it is claimed to have the ability to bind with neutral lipids such as cholesterol. Cholesterol is a type of fat essential for humans, but too high a cholesterol level can be dangerous. Thus, this study aims to observe the parameters that can enhance hydrophobically modified chitosan's ability to lower cholesterol levels. The monitored parameters include the concentration of chitosan, the different pH values and the type of cooking oil. Another research objective is to study the effect of gamma radiation on samples. The method used to determine how much cholesterol is entrapped by the chitosan is quantifying the entrapped oil method. In contrast, the characteristics of cooking oil droplets formed can be observed through MBI-1600X microscope, UV-visible spectroscopy, Fourier Transform Infrared Spectroscopy (FTIR) and Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM). Finally, the interaction between chitosan and cooking oil at those three parameters, including gamma radiations effect on samples, is determined. This book is written to suit the needs of readers who want to know more about the properties characterisation of chitosan.

[Beli Buku](#)



8 RAHSIA PRAKTIKAL CEPAT PANDAI: KUASA ILMU INI UNTUK MUDAH KUASAI ILMU LAIN

Mas Fawzi

978-967-0061-89-4

RM49.00

Kuasai ilmu ini untuk mudah kuasai ilmu lain. Apa juga matlamat awak, 8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai ini akan membantu awak belajar dengan lebih cekap dan lebih cepat. Rahsia-rahsia ini akan membantu awak menyelesaikan masalah dalam pembelajaran, seperti kurang faham, hilang tumpuan atau fokus, lambat belajar, mudah lupa selepas belajar, kurang minat belajar, tak cukup masa untuk belajar, dan lain-lain.

Belajar bagaimana:

- memanfaatkan tempoh belajar;
- belajar secara aktif;
- ambil nota dengan lebih berkesan;
- kekalkan fokus atau tumpuan;
- motivasikan diri untuk belajar;

Terbitan Terkini

- ulangkaji yang berkesan; susun jadual belajar;
- menghayati apa yang dipelajari; belajar dengan seronok;
- ...dan banyak lagi


8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai akan mengubah persepsi proses pembelajaran dari biasa-biasa kepada luar biasa. Ia akan bantu awak kuasai apa-apa ilmu dengan lebih cekap dan lebih cepat; bagi membantu awak mencapai apa-apa juga impian atau matlamat yang awak kehendaki.

[Beli Buku](#)

BASIC OF PLS SEM STEP BY STEP USING SMART - PLS SEM

Md. Fauzi Ahmad@Mohamad

978-967-0061-76-4



Structural Equation Modeling or SEM is a second-generation statistical analysis technique for analyzing the inter-relationships among multiple variables in a model. SEM is an extension of the general linear model (GLM) that enables a researcher to test a set of regression equations simultaneously, SEM software can examine complex relationships and models, such as confirmatory factor analysis and second-order latent variables which improves the weaknesses of ordinary least square (OLS) method. There are two ways to proceed with the structural equation modelling (SEM technique) Covariance-based SEM and PLS-SEM. The selection of the method is based on the normality of data and the type of research. PLS SEM method is used for non-normal data and exploratory research. This book provides researchers with the application of PLS SEM through empirical data focusing on quality management. Empirical data will provide a better understanding of SEM application. I believe that this book will be able to help who are in the theories of applying this technique in their research. Hopefully, this book will provide a useful reference for a better understanding of SEM which can lead to implementing successful research for students and researchers.

